

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 17.6.2014
SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah warga negara China yang masuk ke Sarawak bagi tujuan mendapatkan pendidikan dari tahun 2000 sehingga sekarang. Senaraikan jenis pengajian serta institusi yang terlibat dari segi jumlah kemasukan ke institusi tersebut. Juga jumlah yang telah pun habis pengajian dari setiap institusi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan pelajar warganegara China ke IPTS di Sarawak sehingga Mei 2014 ialah seramai 181 orang dan 56 orang pelajar warganegara China yang telah bergraduat.

Terdapat sebanyak empat (4) buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sarawak yang menawarkan 39 kursus pengajian melibatkan pelajar warganegara China iaitu Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Universiti UCSI (UCSI University), Kampus Sarawak, Institut Teknologi Kreatif Cawangan Sarawak dan Kolej INTI-Cawangan Sarawak.

Manakala di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), jumlah kemasukan pelajar dari negara China di peringkat Sarjana Muda pada tahun 2009 adalah seramai 1 orang, tahun 2010 seramai 4 orang, tahun 2011 seramai 10 orang, tahun 2012 seramai 6 orang

dan tahun 2013 seramai 39 orang. Kemasukan pada peringkat Sarjana pula adalah seramai 3 orang iaitu pada tahun 2013. Kesemua jumlah kemasukan pelajar tersebut adalah pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Rjm90